

For immediate release

## MEDIA STATEMENT

### IDEAS LAUNCHES BENCHMARK FOR STATE GOVERNMENT BUDGET TRANSPARENCY

**Kuala Lumpur, 22 July 2022** - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) launched the Malaysia Open Budget Index (MyOBI) today to promote state-level budget transparency in Malaysia. MyOBI is a new index to gauge the level of budget transparency of state governments in Malaysia. The assessment is modelled on the standards set in Open Budget Survey (OBS), an international fact-based assessment for measuring budget transparency.

"MyOBI is an IDEAS initiative to create greater demand for accountability at the state level by measuring the level of budget transparency practised by state governments. Transparency is vital for state governments because they provide essential facilities, public services, and stimulus for economic development at the local level. Citizens have the right to know how our state governments allocate and spend public resources. MyOBI provides insights on which state governments have done their best to practise transparency. IDEAS did not do the assessment alone; we worked with several civil society organisations and civic-minded individuals to carry out and review the assessment and we want to thank them for their hard work throughout the past eight months," said Tricia Yeoh, CEO of IDEAS.

The MyOBI assesses **public availability** of budget documents and the quality of **oversight** mechanisms in the budget process. To gauge public availability, MyOBI assesses the publication of four types of key budget documents and the level of detail provided in the estimates of revenue and expenditures. Budget documents must be freely available online or made available upon request, in order to meet the benchmark. To gauge the quality of oversight, MyOBI assesses the involvement of state assemblies (Dewan Undangan Negeri, DUN) including their Public Accounts Committee (PAC) in assessing budget documents.

The results show that only Terengganu published all four budget documents and provided a substantial level of detail in their estimates of expenditures and revenue. Five other states – Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Johor and Sabah – published three types of key budget documents, but they did not provide the same level of detail in their estimates of expenditure and revenue. The remaining seven states published only one or two types of budget documents. The poorest performing states in public availability had not made the executive budget proposal (EBP) fully available, which is the critical budget document comprising the budget speech, the estimates of expenditures and revenue, and the supply bill. The EBP comprises most of the weightage in the score on public availability.

The results also indicate that the level of oversight by state assemblies is low. The DUN in most of the states deliberated the budget only one month before the start of the budget year. The oversight by Public Accounts Committees (PAC) in the states is largely unreported, with Selangor being the only state with published reports of meetings conducted by the PAC online. Additionally, state assemblies have very few meeting days, and only seven states publish the Hansards (Official Record or *Penyata Rasmi*). The lowest performing states did not have the Hansard, reports of the Public Accounts Committee, nor sufficient time to deliberate the budget ahead of the budget year.

"We hope the publication of MyOBI will encourage state governments to publish budget documents online and encourage the public to check and read these documents. For democratic accountability to work, we need both governments and the public to play their roles in ensuring public resources are allocated and spent effectively and efficiently. For the states that have encouraging results, we hope these practices will continue and improve in the future. MyOBI only tracks public availability of four budget documents and details of a small number of information in the document. According to international best practice, there are four other types of budget documents that the state governments can publish to inform the public on their budget activities," Sri Murniati Yusuf, IDEAS Deputy Research Director said.

"Another reform that we hope to see as a result of this publication is the improvement of oversight capacity of our DUNs. The number of sitting days need to be increased to facilitate more effective oversight. The PAC should have more regular sessions and publish their reports on DUN websites. In fact, publishing this document and other relevant documents such as hansard and reports on DUN websites are the low-hanging fruit of reforms that the government can carry out because all DUNs already have websites."

"As this is the first assessment, we welcome constructive input and feedback on how to improve it. We hope to carry out this assessment more regularly in the future and contribute to strengthening democratic accountability in Malaysia," said Sri Murniati.

IDEAS also launched another new transparency initiative called Pantau Projek (Project Monitor) today. Pantau Projek assesses data accessibility and information transparency of state-directed public infrastructure projects in Malaysia. For the pilot assessment, 14 projects in 7 states were assessed. Through Pantau Projek, IDEAS hopes to increase public awareness on monitoring the use of public resources, while providing state governments with a benchmark for information disclosure on infrastructure projects. The results from Pantau Projek show that state governments may use media to engage the public on major projects, but key information for accountability is not usually disclosed, such as information on the actual implementation cost against budgeted cost, and the procurement process for implemented projects.

MyOBI and Pantau Projek are IDEAS civic advocacy initiatives. We worked alongside civil society organisations and civic-minded individuals to conduct the research and assessments. IDEAS would like to thank these research partners for their time and support in these initiatives. The MyOBI and Pantau Projek scorecards for all states can be found on the newly-launched [Pantau Wang Kita website](#).

--- END ---

**For enquiries, please contact:**

Alissa Rode  
Manager, Public Finance Unit  
[alissa@ideas.org.my](mailto:alissa@ideas.org.my)

Louis Denis  
Manager, External Relations  
[louis@ideas.org.my](mailto:louis@ideas.org.my)

**About IDEAS**

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

Untuk siaran segera

## KENYATAAN MEDIA

### IDEAS LANCAR PENANDA ARAS UNTUK KETELUSAN BELANJAWAN NEGERI

**Kuala Lumpur, 22 Julai 2022** - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) pada hari ini telah melancarkan *Malaysia Open Budget Index (MyOBI)* untuk mempromosikan ketelusan belanjawan pada peringkat negeri di Malaysia. *MyOBI* merupakan satu indeks untuk menentukan tahap ketelusan belanjawan kerajaan-kerajaan negeri di Malaysia. Penilaian ini dibentuk berdasarkan piawaian yang ditetapkan dalam Tinjauan Belanjawan Terbuka (*Open Budget Survey, OBS*), satu penilaian antarabangsa berdasarkan fakta untuk mengukur ketelusan belanjawan.

"MyOBI merupakan satu inisiatif IDEAS untuk mewujudkan permintaan kebertanggungjawaban yang lebih baik pada peringkat negeri dengan mengukur tahap ketelusan belanjawan yang diamalkan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Ketelusan amat penting terhadap kerajaan negeri kerana mereka menyediakan kemudahan-kemudahan penting, perkhidmatan awam, dan rangsangan kepada pembangunan ekonomi pada peringkat tempatan. Rakyat mempunyai hak untuk mengetahui cara kerajaan negeri memperuntukkan dan membelanjakan sumber awam. MyOBI memberikan kefahaman tentang kerajaan negeri manakah yang telah melakukan yang terbaik dalam mengamalkan ketelusan. IDEAS tidak melakukan penilaian ini bersendirian; kami telah bekerjasama dengan beberapa organisasi masyarakat sivil dan individu-individu berfikiran sivik untuk menjalankan dan menyemak penilaian tersebut dan kami ingin berterima kasih kepada mereka atas kerja keras mereka sepanjang lapan bulan belakangan ini," kata Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

MyOBI menilai **ketersediaan awam** dokumen belanjawan dan kualiti mekanisme **penyeliaan** proses belanjawan. Untuk mengukur ketersediaan awam, MyOBI menilai penerbitan empat jenis dokumen belanjawan utama dan tahap perincian yang diberikan dalam anggaran pendapatan dan perbelanjaan. Dokumen-dokumen belanjawan harus tersedia secara percuma dalam talian atau disediakan atas permintaan untuk dikira memenuhi penanda aras. Untuk mengukur kualiti penyeliaan, MyOBI menilai penglibatan Dewan Undangan negeri (DUN) termasuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) dalam menilai dokumen belanjawan.

Dapatan menunjukkan hanya negeri Terengganu yang menerbitkan kesemua empat dokumen belanjawan dan memberikan butiran terperinci dalam anggaran perbelanjaan dan hasil. Lima negeri - Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Johor dan Sabah - telah menerbitkan tiga jenis dokumen belanjawan penting, tetapi tidak memberikan tahap perincian yang sama seperti Terengganu dalam anggaran perbelanjaan dan hasil mereka. Baki tujuh negeri lain telah menerbitkan hanya satu atau dua jenis dokumen belanjawan. Negeri-negeri yang menunjukkan prestasi paling lemah dalam ketersediaan awam tidak menyediakan sepenuhnya Cadangan Belanjawan Eksekutif (*executive budget proposal, EBP*), iaitu satu dokumen belanjawan kritikal yang mengandungi ucapan belanjawan, anggaran perbelanjaan dan hasil, serta rang undang-undang perbekalan. *EBP* merangkumi sebahagian besar pemberat dalam pemarkahan ketersediaan awam.

Dapatan juga menunjukkan bahawa tahap penyeliaan oleh DUN adalah rendah. DUN dalam sebahagian besar negeri hanya membincangkan belanjawan satu bulan sebelum permulaan tahun belanjawan. Penyeliaan oleh *PAC* dalam negeri sebahagian besarnya tidak dilaporkan, dengan Selangor satu-satunya negeri yang menerbitkan laporan mesyuarat yang dijalankan oleh *PAC* secara dalam talian. Tambahan pula, DUN hanya mempunyai jumlah hari bersidang yang amat sedikit, dan hanya tujuh buah negeri yang menerbitkan Penyata Rasmi (*Hansard*). Negeri-negeri yang menunjukkan prestasi lemah pula tidak mempunyai *Hansard*, laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang, mahupun masa yang mencukupi untuk membincangkan belanjawan sebelum tahun belanjawan bermula.

“Kami berharap penerbitan *MyOBI* ini akan menggalakkan kerajaan negeri untuk menerbitkan dokumen belanjawan dalam talian dan menggalakkan masyarakat awam untuk menyemak serta membaca dokumen-dokumen tersebut. Kita memerlukan kedua-dua pihak iaitu kerajaan dan masyarakat awam untuk memainkan peranan masing-masing dalam memastikan sumber awam diperuntukkan dan dibelanjakan dengan berkesan dan cekap agar kebertanggungjawaban demokrasi berjaya dilaksanakan. Untuk negeri-negeri yang menunjukkan dapatan yang menggalakkan, kami berharap amalan sebegini akan berterusan dan ditambah baik pada masa hadapan. *MyOBI* hanya menjelaki ketersediaan awam untuk empat dokumen belanjawan dan memperincikan sebahagian kecil maklumat dalam dokumen tersebut. Menurut amalan terbaik antarabangsa, terdapat empat lagi jenis dokumen belanjawan yang boleh diterbitkan oleh kerajaan negeri untuk memaklumkan masyarakat awam tentang aktiviti belanjawan mereka,” ulas Sri Murniati Yusuf, Timbalan Pengarah Penyelidikan IDEAS.

“Satu lagi pembaharuan yang kami harap dapat dilihat hasil daripada penerbitan ini adalah penambahbaikan kapasiti pengawalseliaan oleh DUN. Jumlah hari bersidang perlu ditambah untuk memudahkan pengawalseliaan yang lebih berkesan. *PAC* perlu mempunyai lebih banyak sesi mesyuarat dan menerbitkan laporan mereka di laman sesawang DUN. Malah, menerbitkan dokumen ini serta dokumen-dokumen berkaitan lain seperti *Hansard* dan laporan di laman sesawang DUN adalah perkara yang paling mudah dilakukan untuk pembaharuan yang boleh dijalankan oleh pihak kerajaan kerana semua DUN sudah mempunyai laman sesawang masing-masing.”

Disebabkan ini adalah penilaian yang pertama, kami mengalu-alukan maklumat dan maklum balas untuk penambahbaikan. Kami berharap dapat melaksanakan penilaian ini dengan lebih kerap pada masa hadapan untuk mengukuhkan kebertanggungjawaban demokrasi di Malaysia," kata Sri Murniati.

IDEAS pada hari ini juga telah melancarkan satu lagi inisiatif ketelusan iaitu Pantau Projek (*Project Monitor*). Pantau Projek menilai kebolehcapaian data dan ketelusan maklumat projek-projek prasarana oleh kerajaan negeri di Malaysia. Untuk penilaian rintis ini, 14 projek di tujuh buah negeri telah dinilai. Melalui Pantau Projek, IDEAS berharap untuk meningkatkan kesedaran awam dalam memantau penggunaan sumber awam, disamping memberikan satu penanda aras kepada kerajaan negeri untuk pendedahan maklumat mengenai projek-projek prasarana. Dapatan Pantau Projek menunjukkan bahawa kerajaan negeri menggunakan media untuk melibatkan masyarakat awam dalam projek-projek utama, tetapi maklumat penting untuk kebertanggungjawaban tidak selalu didedahkan, seperti maklumat tentang kos sebenar pelaksanaan berbanding kos yang dianggarkan, dan proses perolehan untuk projek yang telah dilaksanakan.

*MyOBI* dan Pantau Projek merupakan inisiatif advokasi sivik oleh IDEAS. Kami bekerjasama dengan organisasi masyarakat civil dan individu-individu berfikiran sivik untuk menjalankan kajian dan penilaian. IDEAS ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan kongsi kajian untuk masa dan sokongan yang diberikan terhadap inisiatif ini. Pemarkahan *MyOBI* dan Pantau Projek untuk setiap negeri boleh didapati di laman sesawang [Pantau Wang Kita](#) yang baru dilancarkan.

--- TAMAT ---

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

Alissa Rode  
Pengurus, Unit Kewangan Awam  
[alissa@ideas.org.my](mailto:alissa@ideas.org.my)

Louis Denis  
Pengurus Perhubungan Luar  
[louis@ideas.org.my](mailto:louis@ideas.org.my)

**Tentang IDEAS**

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berdasarkan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).